

KENYATAAN MEDIA

LANJUTAN KONTRAK DUA TAHUN BAGI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MRT CORP

Kuala Lumpur, 11 Ogos 2016: Kerajaan telah meluluskan lanjutan kontrak selama dua tahun bagi Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) Sdn Bhd, Dato' Sri Shahril Mokhtar.

Dengan lanjutan ini, Shahril akan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersebut sehingga 31 Disember 2018.

MRT Corp adalah sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, dan merupakan pemaju dan pemilik Projek MRT Lembah Klang.

Pengerusi MRT Corp, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata kepimpinan yang baik dari Shahril membuatkan MRT Corp telah diiktiraf oleh Kerajaan dan merupakan aset dalam tempoh kritikal ini di mana laluan MRT yang pertama iaitu MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang akan mula beroperasi.

"Kerajaan telah membuat keputusan bahawa kepimpinan berterusan Shahril diperlukan bagi MRT Corp untuk memperlihatkan pengoperasian kedua-dua fasa bagi Laluan SBK pada Disember tahun ini dan Julai tahun hadapan," katanya.

Ali, yang juga Ketua Setiausaha Negara, berkata pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) akan bertambah rancak dalam tempoh beberapa tahun ini dan pengalaman Shahril dapat memastikan cabaran-cabaran yang akan dihadapi pada peringkat awal pembinaan ini dapat diatasi.

Majlis pecah tanah untuk Laluan SSP dijangka akan diadakan pada hujung bulan Ogos 2016.

Shahril mengambil alih pucuk pimpinan MRT Corp pada 1 Januari 2015. Sebelum memegang jawatan itu, Shahril merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd.

-tamam/-



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my